



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

INSIDEN KEMATIAN ANAK GAJAH: NRES PERKUKUH USAHA TANGANI KONFLIK MANUSIA - HIDUPAN LIAR, KERJASAMA SEMUA DIPERLUKAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menzahirkan rasa dukacita terhadap insiden seekor anak gajah mati akibat dilanggar sebuah kenderaan di Jalan Felda Nitar, Mersing, Johor, awal pagi semalam.

NRES memahami reaksi serta emosi masyarakat dan ingin memaklumkan, tindakan segera dalam menguruskan anak gajah ini telah dilaksanakan PERHILITAN. Kementerian memandang serius setiap insiden melibatkan hidupan liar.

Konflik manusia dan hidupan liar berlaku akibat pelbagai faktor yang saling berkait, termasuk peningkatan populasi manusia dan populasi gajah.

Peningkatan ini disebabkan pengecilan, pemecahan dan kemerosotan habitat semula jadi akibat pembukaan tanah, pembangunan infrastruktur, aktiviti pertanian serta perubahan guna tanah, sehingga mengganggu laluan tradisional pergerakan gajah yang meningkatkan kemungkinan pertembungan antara haiwan ini dengan manusia.

Selain itu, kewujudan tanaman pertanian yang menjadi sumber makanan mudah diperoleh, seperti kelapa sawit, pisang dan tebu menarik gajah keluar dari habitat asalnya, sekali gus meningkatkan kekerapan konflik dengan manusia.

Data menunjukkan dari tahun 2021 hingga Mei 2026, sebanyak 76,361 aduan konflik hidupan liar direkodkan di seluruh negara dengan anggaran kerugian sebanyak RM58.7 juta.

Sehubungan itu, NRES melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai langkah mitigasi konflik manusia dengan gajah, termasuk menerusi Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) bagi menangani situasi buruk ini.

Antara inisiatif ini ialah pelaksanaan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) bagi melindungi kawasan berisiko tinggi supaya keselamatan penduduk dilindungi.

NRES juga membangunkan Santuari Gajah Johor (JES) secara berfasa sebagai antara inisiatif strategik untuk menguruskan habitat dengan lebih sistematik.

Bagi mengurangkan pergerakan gajah ke kawasan penempatan dan pertanian, di sebalik tiga food bank sedia ada, NRES merancang membina tambahan 21 'food bank' di Johor.

Kerajaan turut menyediakan inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman (BKHT) sebagai dana kepada pemilik yang mengalami kerugian harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar, termasuk gajah.

Dalam masa sama, kementerian memperkukuh pelbagai langkah mitigasi, termasuk operasi translokasi gajah, pembangunan koridor hidupan liar, penyelidikan serta pelaksanaan National Elephant Conservation Action Plan (NECAP) 2.0 bagi memastikan usaha menangani konflik manusia dan hidupan liar dilaksanakan secara lebih berkesan dan mampan.

NRES menyeru semua pihak tidak melihat insiden ini sebagai isu terpisah, sebaliknya keseimbangan antara pembangunan, keselamatan manusia dan pemuliharaan hidupan liar perlu terus diperkukuh melalui kerjasama semua pihak.

YB DATUK SERI ARTHUR JOSEPH KURUP

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam

3 Julai 2026

